

Terma-Terma dan Syarat-Syarat “CIMB TravelCurrency” CIMB Bank Berhad

Dengan pembelian mata wang asing melalui Saluran, anda mengakui bahawa anda telah membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat CIMB Bank Berhad ("CIMB") ini yang berkenaan dengan pembelian mata wang asing dalam talian dari CIMB dan bersetuju untuk terikat oleh mereka. Sekiranya anda tidak memahami dan/atau bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat jangan membuat Pesanan (seperti yang ditakrifkan selepas ini) dengan kami kerana dengan membuat suatu Pesanan dengan kami anda menunjukkan penerimaan anda terhadap terma-terma ini. Terma-terma dan syarat-syarat ini hendaklah terpakai ke atas semua kontrak yang terbentuk antara anda dan kami dengan pengecualian apa-apa terma-terma dan syarat-syarat lain yang anda boleh dapat untuk dikenakan atau diterapkan, atau tersirat oleh undang-undang atau sebaliknya melainkan CIMB bersetuju, secara bertulis, untuk mengubah terma-terma dan syarat-syarat ini dan mengesahkan secara bertulis, variasi tersebut kepada anda.

1. DEFINISI

“Hari Perniagaan” ertinya hari pada masa CIMB buka untuk perniagaan di Kuala Lumpur;

“Transaksi” ertinya transaksi di mana CIMB menjual dan anda membeli CIMB TravelCurrency;

“CIMB Clicks” ertinya kemudahan perbankan yang dibekalkan dari semasa ke semasa melalui Internet atau mana-mana medium elektronik lain yang diluluskan oleh CIMB mengikut terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian Perbankan Internet CIMB Clicks;

“CIMB TravelCurrency” ertinya mata wang asing yang anda beli secara dalam talian dari CIMB dengan membuat Pesanan melalui mana-mana Saluran;

“Saluran” ertinya laman web CIMB Clicks dan laman web CIMB Clicks TravelCurrency (secara kolektifnya, selepas ini dirujuk sebagai “Laman Web CIMB” di mana ungkapan tersebut termasuk mana-mana laman web lain yang dimiliki atau dikekalkan oleh CIMB berhubungan dengan perniagaan atau produknya); dan/atau mana-mana saluran, laman web dan/atau platform lain sebagaimana yang boleh diputuskan oleh CIMB dari semasa ke semasa;

“Lokasi Pengutipan” ertinya lokasi yang anda pilih untuk pengutipan CIMB TravelCurrency yang dibeli apabila membuat Pesanan;

“Tarikh Pengutipan” ertinya tarikh yang anda pilih untuk pengutipan CIMB TravelCurrency yang dibeli apabila membuat Pesanan;

“CIMB”, atau “kami” ertinya CIMB Bank Berhad [13491-P] yang mempunyai pejabat berdaftar di Aras 13, Menara CIMB, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur dan tempat perniagaan di Aras 19, Menara Bumiputra-Commerce, 11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur atau di alamat lain atau lokasi lain yang boleh diubah oleh CIMB dari semasa ke semasa dan termasuk pengganti dalam hakmilik dan penerima serah hak-nya;

“Pesanan” ertinya pesanan yang dibuat atau bakal anda buat melalui mana-mana Saluran bagi pembelian CIMB TravelCurrency;

“Pemindahan Dalam Talian MEPS FPX” ertinya penyelesaian pembayaran dalam talian yang mudah dan selamat yang membolehkan pendebitan masa sebenar (“*real-time*”

debiting”) akaun perbankan internet pelanggan dari pelbagai bank yang ditawarkan oleh Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd (MyClear).

“Kerugian” ertinya mana-mana dan semua kerugian, kerosakan (kewangan dan sebaliknya), kecederaan, malu, kos, caj, cukai, duti, levi, penalti dan/atau perbelanjaan walau apapun sifatnya, termasuk fi guaman atas dasar indemniti penuh walau bagaimanapun jua ia timbul sama ada dalam tort, kontrak atau indemniti;

“Anda” ertinya seseorang yang bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat ini untuk membeli CIMB TravelCurrency.

2. UMUM

- 2.1. Penjualan CIMB TravelCurrency hanya disediakan kepada individu yang berumur 18 tahun atau lebih tua, yang merupakan warganegara Malaysia, penduduk tetap di Malaysia atau bukan warganegara Malaysia yang memegang kad pengenalan atau pasport yang sah.
- 2.2. Melainkan jika ia mempunyai sesuatu dalam subjek atau konteks yang tidak sejajar dengan pentafsiran atau melainkan jika ia diperuntukkan dengan nyata sebaliknya, perkataan yang merujuk kepada satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang merujuk kepada bilangan tunggal termasuk jamak dan sebaliknya.

3. MEMBUAT PESANAN

- 3.1. Anda boleh membuat Pesanan dalam salah satu cara berikut:
 - 3.1.1 Dalam talian melalui laman web CIMB Clicks selepas log masuk ke CIMB Clicks (bagi pelanggan CIMB dan CIMB Islamic Bank Berhad);
 - 3.1.2 Dalam talian melalui laman web CIMB Clicks TravelCurrency (bagi bukan-pelanggan CIMB dan bukan-pelanggan CIMB Islamic Bank Berhad dengan syarat bahawa anda merupakan pemegang akaun utama).
- 3.2. Pesanan anda membentuk suatu tawaran kepada kami untuk membeli CIMB TravelCurrency. Semua Pesanan adalah tertakluk kepada penerimaan kami. Sila baca Klausa 3.7. bagi butiran bagaimana kami boleh menerima Pesanan anda.
- 3.3. Pesanan yang dibuat akan dibundarkan ke nota mata wang asing yang terdekat. Kami tidak dapat membekalkan duit syiling asing. Ketersediaan mata wang mungkin tertakluk kepada had kewangan, sekatan pertukaran mata wang dan kepada anda untuk mematuhi peraturan-peraturan Anti-Pelaburan Wang Haram. Hal Ini bererti bahawa kita mungkin memerlukan anda untuk membekalkan bukti fotografi identiti anda dan/atau apa-apa dokumen lain yang kami mungkin perlukan untuk tujuan pengesahan sebelum kita melepaskan CIMB TravelCurrency yang dibeli kepada anda.
- 3.4. Semasa membuat Pesanan, anda memberi waranti kepada kami bahawa maklumat yang anda bekalkan kepada kami adalah benar dan tepat dalam semua segi, bahawa anda tidak akan menyembunyikan apa-apa maklumat penting daripada kami dan anda akan membekalkan kepada kami apa-apa maklumat yang mungkin kami hendak semunasabahnya. Pembekalan maklumat yang tidak betul dan/atau tidak tepat boleh menyebabkan Transaksi ditamatkan atau digantung dan kami tidak akan bertanggungjawab ke atasnya.

- 3.5. Nilai Pesanan maksimum adalah RM5,000 atau bersamaan atau apa-apa nilai Pesanan lain sebagaimana yang boleh ditetapkan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara kami, dan nilai Pesanan minimum sebanyak RM100 atau bersamaannya.
- 3.6. Anda boleh membuat Pesanan sehingga 60 hari lebih awal. (a) Bagi Pesanan yang dibuat sebelum 4.00PM (Isnin hingga Ahad), tarikh pengutipan Pesanan yang terawal adalah pada Hari Perniagaan berikutnya. (b) Bagi Pesanan yang dibuat selepas 4.00PM (Isnin hingga Ahad), tarikh pengutipan Pesanan yang terawal adalah pada dua (2) Hari Perniagaan selepas penempatan Pesanan.
- 3.7. Setelah Pesanan dihantar, suatu emel pengesahan automatik akan dihantar ke alamat emel yang anda bekalkan, yang memperincikan nombor rujukan Pesanan. Hal ini mengesahkan pengakuan kami terhadap Pesanan anda tetapi tidak akan terbentuk sebagai penerimaan kami terhadap Pesanan anda. Penerimaan terhadap Pesanan anda hendaklah berlaku pada masa yang lebih awal apabila:
 - 3.7.1. suatu pengesahan penghantaran emel dan/atau SMS daripada kami bahawa Transaksi akan disahkan, sekiranya ia dihantar; atau
 - 3.7.2. penyediaan CIMB TravelCurrency yang anda beli.
- 3.8. Sekiranya pada bila-bila masa kami mengesyaki bahawa Pesanan telah dibuat secara fraud, atau pada pendapat tunggal pihak Bank ia mencurigakan, kami boleh membatalkan Pesanan pada bila-bila masa dan tanpa notis kepada anda.
- 3.9. Semua Pesanan akan dikutip oleh pemegang akaun yang membuat Pesanan dalam talian. Anda tidak dibenarkan untuk melantik atau menghantar orang pihak ketiga untuk mengutip mata wang asing di Lokasi Pengutipan.

4. PEMBATALAN (TERMASUK PEMBATALAN YANG TIMBUL DARIPADA PEMBATALAN CUTI ATAU LAWATAN PERNIAGAAN ANDA)

- 4.1. Tanpa menjejaskan Klausula 17 di sini, anda boleh membatalkan Pesanan pada bila-bila masa sekurang-kurangnya sebelum dua (2) Hari Perniagaan sebelum Tarikh Pengutipan anda. Sekiranya Tarikh Pengutipan anda adalah kurang daripada dua (2) Hari Perniagaan, anda tidak dibenarkan untuk membatalkan Pesanan.
- 4.2. Semua bayaran balik yang akan dibuat kepada anda yang timbul daripada pembatalan apa-apa Pesanan yang dibuat tertakluk kepada:-
 - a) Pertukaran CIMB TravelCurrency melalui pembelian ke Ringgit Malaysia pada kadar pembelian dalam talian CIMB atau kadar penjualan asal, yang mana lebih rendah;
 - b) fi pentadbiran RM25; dan
 - c) cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai barangan dan perkhidmatan dan / atau cukai jualan dan perkhidmatan).
- 4.3. Kami boleh menamatkan, membatalkan atau menggantungkan suatu Pesanan menurut Klausula 17 di sini atau sekiranya kami dikehendaki berbuat sedemikian melalui arahan mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang atau badan kawal selia atau bagi tujuan atau berhubungan dengan pematuhan mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan termasuk undang-undang, kaedah-kaedah

dan peraturan-peraturan anti pelaburan wang haram. Dalam kes ini kami boleh memegang semua atau mana-mana wang anda dan kemudiannya mengurusnya sebagaimana yang diperintahkan oleh agensi penguatkuasaan undang-undang atau pihak berkuasa kawal selia atau mahkamah atau badan lain yang mempunyai bidang kuasa yang berwibawa.

- 4.4. Semua bayaran balik yang akan dibuat kepada anda yang timbul daripada penamatan atau pembatalan CIMB terhadap apa-apa Pesanan yang anda buat adalah tertakluk kepada:-
- a) pertukaran CIMB TravelCurrency melalui pembelian ke Ringgit Malaysia pada kadar pembelian pertukaran mata wang CIMB;
 - b) fi pentadbiran RM25.00;
 - c) cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai barangan dan perkhidmatan dan / atau cukai jualan dan perkhidmatan); dan
 - d) apa-apa sekatan yang timbul daripada mana-mana undang-undang, kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan atau apa-apa perintah daripada mana-mana mahkamah atau badan-badan lain yang mempunyai bidang kuasa berwibawa, pihak berkuasa kawal selia atau agensi penguatkuasaan undang-undang.
- 4.5. Semua bayaran balik kepada anda yang timbul daripada apa-apa pembatalan Pesanan (sama ada oleh CIMB atau anda) akan dilaksanakan dalam 3 hingga 5 Hari Perniagaan dari tarikh pembatalan ke akaun yang anda bekalkan ketika membuat Pesanan.

5. CAJ

- 5.1. Anda mengakui dan bersetuju bahawa kadar di mana CIMB TravelCurrency dijual atau bakal dijual kepada anda mungkin berbeza bergantung kepada Saluran di mana anda membuat Pesanan bagi CIMB TravelCurrency dan anda seterusnya mengakui dan bersetuju bahawa anda tidak akan menimbulkan apa-apa pertikaian yang berhubungan dengannya.
- 5.2. Fi pentadbiran sebanyak RM25.00 akan dikenakan sekiranya Pesanan telah anda batalkan atau dibatalkan oleh CIMB pada bila-bila masa sebelum tarikh pengutipan atau pada masa ketidak-kutipan menurut Klausula 4.2. (b) dan Klausula 4.4. (b) di sini.
- 5.3. Apabila membuat pembayaran bagi CIMB TravelCurrency dalam talian, caj bagi fi pemindahan InterBankGiro (IBG) atau bayaran-bayaran lain boleh dikenakan oleh bank atau pembekal perkhidmatan kewangan anda. Ia adalah tanggungjawab anda untuk memeriksa dan memastikan bahawa anda bersetuju dan menerima fi dan caj yang perlu dibayar berhubungan dengan Pesanan anda.
- 5.4. Sebagai tambahan kepada fi seperti yang dinyatakan dalam Klausula 5.3. (sekiranya berkenaan), anda juga hendaklah membayar kepada CIMB semua fi dan caj seperti yang dimaklumkan oleh CIMB kepada anda dari semasa ke semasa berhubungan dengan penjualan CIMB TravelCurrency ("Fi dan Caj"). CIMB boleh memaklumkan anda secara bertulis atau dalam apa-apa cara yang dianggap terpakai oleh CIMB:-
- 5.4.1. Fi dan Caj;

- 5.4.2. cukai yang dikenakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai barangan dan perkhidmatan dan / atau cukai jualan dan perkhidmatan).

Sekiranya terdapat apa-apa variasi kepada Fi dan Caj, makluman terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar akan diberi.

Sekiranya anda tidak bersetuju dengan pengenaan Fi dan Caj tersebut atau cukai yang dikenakan dan/atau variasi daripadanya, anda hendaklah membatalkan atau menamatkan pembelian CIMB TravelCurrency. Pembelian CIMB TravelCurrency berterusan anda akan dianggap sebagai persetujuan anda dan penerimaan terikat bagi yang sama.

6. PEMBAYARAN

- 6.1. Apabila membuat suatu Pesanan dan membuat pembayaran bagi yang sama, anda memberi waranti bahawa anda bertindak bagi pihak anda sendiri, atas sebab-sebab yang tulen dan bahawa dana adalah milikan anda mengikut undang-undang dan secara benefisial, tidak pernah diperolehi dengan cara yang tidak sah dan tidak dalam apa jua cara bertentangan dengan hak-hak pemunya sah di sisi undang-undang dan tidak tercemar dalam apa jua cara dengan aktiviti jenayah.
- 6.2. Anda boleh membayar Pesanan anda dalam salah satu daripada dua cara yang dinyatakan di bawah.
 - 6.2.1. Dengan pemindahan dana melalui Internet dengan menggunakan sama ada CIMB Clicks atau Pemindahan Dalam Talian MEPS FPX; atau
 - 6.2.2. Dengan apa-apa cara atau kaedah-kaedah lain yang mungkin dibenarkan CIMB, mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya dari semasa ke semasa.
- 6.3. Anda mengakujaji bahawa semua maklumat yang anda bekalkan semasa membuat suatu Pesanan dan semasa pengutipan CIMB TravelCurrency adalah betul dan akaun bank yang anda gunakan dalam membuat pembayaran adalah milikan anda sendiri dan dokumen pengenalan akaun bank anda sepadan dengan dokumen pengenalan Pesanan anda.

7. PESANAN / WANG TIDAK DIKUTIP

- 7.1. Semua Pesanan yang tidak dituntut selepas Tarikh Pengutipan mereka akan kami klasifikasikan sebagai "Pendang Yang Tidak Dituntut" (*"Dormant Unclaimed"*) dan hendaklah tertakluk kepada fi pentadbiran sebanyak RM25.00.
- 7.2. Sekiranya Pesanan anda masih tidak dituntut selepas Tarikh Pengutipan, CIMB boleh:-
 - 7.2.1. Membuat sehingga maksimum tiga (3) cubaan untuk menghubungi anda dalam tujuh (7) hari dari Tarikh Pengutipan untuk mengatur Tarikh Pengutipan alternatif; dan
 - 7.2.2. Sekiranya CIMB tidak dapat menghubungi anda selepas cubaan ketiga (ke-3), CIMB akan berhak untuk menukar CIMB TravelCurrency yang dibeli ke Ringgit Malaysia pada "Kadar Pembelian" CIMB pada hari kelapan (ke-8) dari Tarikh Pengutipan. Hasil pertukaran tersebut hendaklah tertakluk kepada fi

pentadbiran sebanyak RM25.00. Baki daripada hasil akan dikreditkan ke dalam akaun yang anda bekalkan semasa membuat Pesanan.

- 7.3. CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan dalam apa jua cara sekalipun sekiranya CIMB tidak dapat menghubungi anda timbul daripada ketidaktepatan apa-apa butiran perhubungan yang anda bekalkan kepada CIMB semasa membuat Pesanan. Anda mengakui bahawa sekiranya anda tidak dapat mengutip CIMB TravelCurrency yang dibeli pada Tarikh Pengutipan atas apa-apa sebab sekalipun, ia adalah tanggungjawab anda untuk memaklumkan kepada CIMB dan membuat persiapan alternatif untuk pengutipan.

8. INDEMNITI

- 8.1. Anda dengan ini bersetuju secara muktamad untuk menanggung rugi dan memastikan CIMB ditanggung rugi daripada semua Kerugian yang mungkin ditanggung oleh CIMB berhubung dengan atau timbul daripada:

- a) Penyalahgunaan anda terhadap CIMB TravelCurrency yang dibeli;
- b) Kemungkinan anda terhadap Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dalam apa jua keadaan.

- 8.2. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas dan anda hendaklah menanggung rugi sepenuhnya CIMB dan tidak mempertanggungjawabkan CIMB ke atas semua Kerugian yang mungkin anda tanggung atau ditanggung oleh CIMB berhubung dengan pelaksanaan Bank ke atas apa-apa Pesanan, tanpa mengambil kira Pesanan tersebut mungkin adalah penipuan atau tanpa kebenaran melainkan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB.

- 8.3. Anda bersetuju dan mengakui bahawa tanggungjawab anda untuk menanggung rugi CIMB di sini akan terus kekal selepas penamatan Perjanjian ini atau Transaksi.

9. PENAFIAN

- 9.1. CIMB tidak akan mengambil tanggungjawab atau bertanggungjawab dan tidak membuat apa-apa representasi atau waranti berkenaan dengan mana-mana Saluran atau perkhidmatan yang tidak dimiliki atau dibekalkan oleh CIMB yang anda akses dalam proses pembelian CIMB TravelCurrency. CIMB tidak akan dalam apa jua keadaan dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa Kerugian yang anda tanggung berhubung dengan akses atau penggunaan anda atau ketidakupayaan mengakses atau mengguna mana-mana Saluran atau perkhidmatan yang disebut di atas yang tidak dimiliki atau dibekalkan oleh CIMB.

10. ARAHAN DAN PEMBERIAN KEBENARAN

- 10.1. Anda hendaklah, pada setiap masa, bertanggungjawab ke atas semua arahan yang dihantar kepada CIMB semasa membuat Pesanan atau membeli CIMB TravelCurrency ("Arahan").

- 10.2. Sekiranya anda menemui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Arahan yang dihantar kepada atau diterima oleh CIMB adalah tidak tepat dan tidak lengkap, anda hendaklah memaklumkan kepada CIMB serta-merta melalui telefon

ke Pusat Panggilan CIMB di 03-6204 7788 di sini. Bagi mengelakkan keraguan, semua panggilan telefon yang dibuat ke Pusat Panggilan CIMB hendaklah di-logkan dan direkodkan oleh CIMB.

- 10.3. CIMB menyimpan hak menolak untuk menjalankan apa-apa Arahan yang anda berikan atas apa-apa sebab, termasuk tanpa had, di mana Arahan tersebut adalah melanggar mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini atau tidak sejajar dengan mana-mana dasar CIMB dan kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain seperti yang boleh berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

11. PENGEMASKINIAN BUTIRAN PELANGGAN

- 11.1. Anda hendaklah dengan segera memaklumkan CIMB secara bertulis atau melalui apa-apa cara lain yang CIMB anggap boleh diterima apa-apa perubahan atau variasi dalam butiran peribadi anda dan CIMB berhak untuk menganggap bahawa tiada apa-apa perubahan atau variasi sehingga CIMB telah menerima notis tersebut yang anda berikan. Pemberian butiran tersebut semasa proses permohonan bagi CIMB TravelCurrency tidak akan dianggap sebagai suatu pengemaskinian automatik butiran peribadi anda dengan CIMB.

12. PENGECUALIAN LIABILITI

- 12.1. CIMB hendaklah menggunakan segala usaha yang munasabah untuk memastikan pembekalan CIMB TravelCurrency. Walau bagaimanapun, anda bersetuju dan mengakui bahawa CIMB tidak membuat apa-apa waranti atau representasi dalam apa jua bentuk berkenaan dengan CIMB TravelCurrency, dan kedua-dua CIMB atau semua subsidiary, sekutu dan rakan perniagaannya, sama ada secara nyata atau tersirat, tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa dan semua Kerugian berhubungan dengan pembelian CIMB TravelCurrency sama ada anda alami atau mana-mana orang lain melainkan Kerugian, tertakluk kepada Klausula 10.3., yang disebabkan secara langsung oleh keingkaran sengaja atau kecuaiian melampau CIMB.

- 12.2. Tanpa mengehendkan keumuman Klausula 12.1. di atas, CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa Kerugian yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada satu atau lebih satu peristiwa atau perkara yang berikut walau apa pun sebabnya atau bagaiamanya menanggung:-

12.2.1. Apa-apa kepincangan tugas, kecacatan dan/atau apa-apa kerosakan, gangguan atau kegagalan mana-mana telekomunikasi, komputer, terminal, pelayan atau peranti atau sistem lain sama ada anda miliki, kendalikan atau senggara, atau dimiliki, dikendalikan atau disenggara CIMB atau mana-mana orang lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada kegagalan mana-mana peralatan atau sistem untuk menerima, mengenal atau memproses akses anda dengannya;

12.2.2. Apa-apa kepincangan tugas, kerosakan, gangguan mana-mana Saluran dan/atau ketiadaan CIMB TravelCurrency atau mana-mana bahagiannya, walau bagaimanapun jua ia timbul;

12.2.3. CIMB TravelCurrency tidak disediakan atau mana-mana Saluran tidak boleh diakses, disedia atau berfungsi;

- 12.2.4. Apa-apa kegagalan atau kelewatan yang disebabkan oleh pelayar Internet anda atau masalah-masalah perisian, virus komputer atau yang berkenaannya;
 - 12.2.5. Kerosakan ("*corruption*"), kemusnahan, pengubahan, kehilangan atau kesilapan dalam Arahan anda atau mana-mana data atau maklumat dalam process penghantaran melalui mana-mana Saluran atau sebaliknya;
 - 12.2.6. Apa-apa pencerobohan, gangguan atau serangan oleh mana-mana orang, virus, Kuda Troj ("*Trojan Horse*"), cecacing, makro atau komponen berbahaya atau program atau fail lain yang merosakkan;
 - 12.2.7. Apa-apa kehilangan, kecurian atau penggunaan tanpa kebenaran mana-mana Kata Laluan Keselamatan anda (seperti yang ditakrifkan di bawah);
 - 12.2.8. Apa-apa akses dan/atau penggunaan Saluran tanpa kebenaran oleh mana-mana orang bagi pihak anda atau sebaliknya;
 - 12.2.9. Mana-mana larangan, penggantungan, kelewatan atau sekatan akses anda ke Saluran oleh undang-undang dan peraturan-peraturan mana-mana negara di mana anda mengakses Saluran;
 - 12.2.10. Mana-mana larangan, penggantungan, kelewatan atau sekatan akses anda ke Saluran disebabkan oleh, berkenaan atau berhubungan dengan pembekal perkhidmatan rangkaian anda;
 - 12.2.11. Apa-apa ketidaktepatan atau ketidaklengkapan maklumat, data atau Arahan yang anda berikan berhubungan dengan apa-apa transaksi atau pelaksanaan apa-apa transaksi atau sebaliknya berhubungan dengan Transaksi atau penjualan CIMB TravelCurrency atau mana-mana perkhidmatan atau produk lain yang ditawarkan oleh CIMB;
 - 12.2.12. Ketidakupayaan anda untuk melaksanakan mana-mana transaksi disebabkan oleh had yang ditetapkan oleh CIMB dari semasa ke semasa;
 - 12.2.13. Kegagalan, pengabaian atau peninggalan anda untuk bertindak menurut terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini dan apa-apa kaedah, peraturan, dasar dan garis panduan yang sedang berkuat kuasa;
 - 12.2.14. Apa-apa kelewatan dalam penghantaran atau kegagalan penghantaran atau mana-mana dokumen atau bahan apa jua sekalipun, di bawah Perjanjian ini;
 - 12.2.15. Apa-apa kejadian, yang wujud di luar kawalan munasabah CIMB, termasuk tetapi tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, kilat, rusuhan, mogok, sekat masuk, tindakan kerajaan, peperangan, gangguan bekalan elektrik atau kuasa; atau
 - 12.2.16. Apa-apa Kerugian yang disebabkan oleh pihak ketiga.
- 12.3. Sementara CIMB hendaklah melakukan usaha yang munasabah untuk memastikan bahawa mana-mana maklumat, harga dan kadar produk di laman web mereka atau Saluran adalah tepat dan terkini, ia mungkin mempunyai keadaan di mana maklumat, harga atau kadar yang tidak tepat atau tidak lengkap telah dipaparkan secara tidak sengaja. Sekiranya apa-apa maklumat, harga atau kadar adalah tidak betul atau tidak lengkap, CIMB hendaklah mempunyai hak mengikut

budi bicara tunggal dan mutlak mereka, untuk menolak, mengelakkan, menjadikan tidak berkesan dan/atau membatalkan mana-mana pesanan yang dibuat dan atau apa-apa transaksi yang dilaksanakan berhubung dengan Transaksi dan apa-apa transaksi lain yang dilaksanakan disebabkan oleh, yang timbul daripada atau akibat daripada maklumat yang tidak tepat atau tidak lengkap. CIMB tidak mengambil tanggungjawab ke atas apa-apa kesilapan atau peninggalan dalam kandungan laman web atau Saluran tersebut, dan secara nyata menafikan liabiliti bagi apa-apa Kerugian yang ditanggung akibat daripada kesilapan, ketidaktepatan, salah nyata atau ketinggalan.

- 12.4. Selagi CIMB bertindak dengan suci hati dengan bertindak atas atau menjalankan apa-apa Arahan, CIMB hendaklah tidak bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan kepada anda dalam apa cara pun bagi apa-apa Kerugian yang disebabkan oleh atau yang timbul daripada pelaksanaan atau implementasi Arahan tersebut oleh CIMB atau apa-apa perkara yang timbul daripadanya.
- 12.5. Tanpa menjejaskan keumuman yang tersebut di atas dan walau apa pun apa-apa peruntukan yang bertentangan dengan Perjanjian ini atau dalam mana-mana perjanjian lain antara CIMB dan anda, CIMB tidak akan dalam apa jua keadaan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada anda ke atas apa-apa Kerugian tidak langsung atau berbangkit, atau untuk ganti rugi punitif, sama ada ia timbul daripada apa-apa kemungkiran tanggungjawab CIMB kepada anda atau sebaliknya.

13. PENDEDAHAN MAKLUMAT

- 13.1. Anda dengan ini secara nyata memberikan kebenaran dan membenarkan CIMB untuk memberitahu, menunjukkan dan/atau sebaliknya mendedahkan apa-apa dan semua butiran dan maklumat yang berkenaan dengan diri anda atau Pesanan anda atau apa-apa transaksi atau urusan niaga antara anda dan CIMB:
 - 13.1.1. Kepada mana-mana subsidiari, sekutu, rakan perniagaannya dan/atau mana-mana orang lain setakat yang diperlukan untuk melengkapkan, mengesahkan atau menyekat suatu transaksi atau Arahan;
 - 13.1.2. Untuk mematuhi undang-undang, peraturan-peraturan, agensi-agensi dan pihak berkuasa kerajaan di Malaysia dan di tempat lain termasuk perintah dan permintaan mahkamah;
 - 13.1.3. Untuk mengesahkan kewujudan dan keadaan akaun anda atau transaksi bagi pihak ketiga seperti biro kredit atau peniaga;
 - 13.1.4. Untuk menyediakan perkhidmatan kepada anda atau untuk menawarkan kemudahan, produk dan perkhidmatan lain melainkan anda memaklumkan sebaliknya kepada kami dengan sewajarnya;
 - 13.1.5. Berhubungan dengan pemeriksaan oleh pihak berkuasa perbankan;
 - 13.1.6. Di mana anda meminta atau memberi kebenaran kepada CIMB untuk berbuat sedemikian, sama ada secara bertulis atau selainnya;
 - 13.1.7. Untuk melindungi dan mempertahankan CIMB dan hartanya; dan

13.1.8. Untuk melindungi kepentingan awam termasuk tetapi tidak terhad kepada pengesanan jenayah dan penangkapan penjenayah.

13.2. Tanpa mengurangkan peruntukan dalam Klausa 13.1. di atas dan tertakluk kepada peruntukan di bawah yang (i) melarang pendedahan maklumat kepada Syarikat-Syarikat Kumpulan sekiranya anda bantah; dan (ii) menghendaki persetujuan nyata anda bagi pendedahan maklumat kepada pihak ketiga untuk tujuan yang dinyatakan, anda dengan ini bersetuju dan memberi kebenaran kepada CIMB untuk mendedahkan kepada mana-mana ejen, pembekal perkhidmatan, juruaudit, penasihat undang-undang, penasihat profesional, pembekal keselamatan dan penjamin dalam atau luar Malaysia dan kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan CIMB serta syarikat-syarikat dalam kumpulan CIMB Group Holdings Berhad, syarikat pemegang muktamad CIMB ("Syarikat-Syarikat Kumpulan") sama ada Syarikat-Syarikat Kumpulan tersebut terletak, ditempatkan, menjalankan perniagaan, diperbadankan atau ditubuhkan dalam atau luar Malaysia apa-apa maklumat berkaitan dengan anda, hal ehwal anda dan/atau mana-mana akaun yang anda kekalkan dengan CIMB untuk memudahkan perniagaan, operasi, kemudahan dan perkhidmatan oleh atau diberikan atau disediakan oleh CIMB dan/atau Syarikat-Syarikat Kumpulan kepada pelanggan mereka.

Pendedahan kepada Syarikat-Syarikat Kumpulan hendaklah bagi tujuan memudahkan operasi, perniagaan, penjualan silang dan tujuan lain CIMB dan/atau Syarikat-Syarikat Kumpulan dengan syarat sentiasa bahawa pendedahan bagi tujuan penjualan silang tidak akan dilaksanakan sekiranya pendedahan sedemikian telah anda bantah dengan menghubungi CIMB di nombor telefon atau alamat yang berikut (yang boleh diubah oleh CIMB dari semasa ke semasa melalui notis kepada anda): Aras 19, Menara Bumiputra Commerce, 11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Tel No .: 1300-880-900.

Selanjutnya, sekiranya CIMB berhasrat untuk berkongsi maklumat anda (tidak termasuk maklumat yang berhubungan dengan hal ehwal atau akaun anda) dengan pihak ketiga untuk tujuan perikatan strategik, pemasaran dan promosi, CIMB hendaklah memastikan bahawa kebenaran anda telah diperolehi.

13.3. Anda memberi kebenaran kepada CIMB untuk mendapatkan apa-apa maklumat daripada mana-mana orang, organisasi, pihak berkuasa, syarikat, pertubuhan diperbadankan atau tidak diperbadankan atau mana-mana entiti lain yang CIMB boleh dengan suci hati yang menganggapnya wajar berhubungan dengan CIMB TravelCurrency dan/atau Transaksi dan membenarkan pendedahan oleh orang tersebut apa-apa maklumat yang diperlukan oleh CIMB.

13.4. Dalam penghantaran kepada CIMB apa-apa permohonan, Arahan atau pembuatan atau penerusan Pesanan, hendaklah dianggap telah memberikan kepada CIMB dalam permohonan tersebut atau dengan kelakuan sedemikian mengikut keadaan tertentu, kebenaran yang wajar dan kebenaran anda bagi pendedahan tersebut menurut syarat-syarat dalam ini.

13.5. Walaupun CIMB akan berusaha untuk memastikan keselamatan maklumat anda yang akan dihantar melalui sistem CIMB anda bersetuju dan mengakui bahawa CIMB tidak membuat apa-apa waranti berkenaan dengannya dan anda dengan ini menerima risiko yang berkaitan dengan penggunaan medium internet termasuk tetapi tidak terhad kepada risiko bahawa semua maklumat yang dihantar melalui mana-mana Saluran boleh diakses oleh pihak ketiga yang tidak diberi kebenaran dan oleh itu, anda tidak akan mempertanggungjawabkan CIMB atau

menjadikannya bertanggungjawab ke atas apa-apa pengaksesan tanpa kebenaran, kecurian maklumat atau apa-apa Kerugian yang timbul daripadanya.

14. TANGGUNGJAWAB DAN AKU JANJI ANDA

- 14.1. Anda hendaklah, pada setiap masa, bertanggungjawab untuk mendapatkan dan menggunakan perkhidmatan Internet atau pelayar yang diperlukan dan/atau apa-apa perkakasan dan/atau perisian yang diperlukan termasuk mana-mana versi baharu dan terkini, yang diperlukan untuk pembelian CIMB TravelCurrency dalam risiko dan perbelanjaan anda sendiri.
- 14.2. Anda hendaklah bertanggungjawab bagi penyenggaraan mana-mana akaun yang anda mungkin ada dengan pembekal perkhidmatan rangkaian untuk akses anda bagi pembelian CIMB TravelCurrency dan anda dengan ini bersetuju, mengakui dan memahami bahawa akses tersebut akan, setakat itu, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat pembekal perkhidmatan rangkaian anda.
- 14.3. Anda bersetuju dan mengakui bahawa CIMB tidak akan dipertanggungjawabkan atas ketidakupayaan anda untuk membeli CIMB TravelCurrency atau apa-apa penamatan atau penolakan Transaksi, pemprosesan Transaksi yang tidak betul akibat daripada kegagalan anda untuk mengekalkan akaun anda dengan pembekal perkhidmatan rangkaian atau kegagalan anda untuk mendapatkan atau menggunakan pelayar Internet yang diperlukan dan/atau perkakasan dan/atau perisian termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa kegagalan untuk menaik taraf pelayar Internet dan/atau perkakasan dan/atau perisian yang berkenaan atau untuk menggunakan versi baharu dan kini bagi yang sama seperti yang dikehendaki oleh CIMB.
- 14.4. Anda bersetuju untuk mematuhi semua langkah keselamatan berhubungan dengan akses kepada pembelian CIMB TravelCurrency seperti yang dinyatakan dalam Terma-Terma & Syarat-Syarat ini dan apa-apa kaedah dan peraturan, dasar atau garis panduan sebagaimana yang mungkin berkuat kuasa berhubungan dengannya.
- 14.5. Anda hendaklah memberi CIMB dengan data, maklumat dan Arahan yang lengkap, tepat dan terkini berkenaan atau berhubungan dengan apa-apa transaksi dan pelaksanaan apa-apa transaksi.
- 14.6. Anda tidak akan memulakan apa-apa tuntutan, tindakan atau saman terhadap CIMB, bagi apa-apa penggunaan tanpa kebenaran CIMB TravelCurrency atau Saluran sama ada akibat daripada mana-mana internet atau aplikasi berasaskan mudah alih atau web dikompromi atau sebaliknya termasuk mana-mana ID atau kata laluan atau kod laluan atau nombor PIN atau kod atau seumpama pengguna internet anda ("secara kolektif, **Kata Laluan Keselamatan**") dikompromi atau sebaliknya.
- 14.7. Anda hendaklah tidak mengganggu akses kepada dan penggunaan Saluran oleh pelanggan lain dan anda hendaklah tidak menggunakan Saluran untuk apa-apa tujuan selain daripada menjalankan transaksi yang dibenarkan berkenaan dengan akaun anda sendiri. Anda juga tidak boleh menggodam, cuba menggodam atau mendapat akses tanpa kebenaran, sama ada secara langsung atau tidak langsung, ke dalam Saluran, mana-mana akaun pelanggan lain, bagi apa-apa tujuan sekalipun.

- 14.8. Anda akan mematuhi semua kewajaran dan etika munasabah dalam komunikasi anda dengan CIMB dan tidak boleh menyampaikan apa-apa maklumat lucah atau fitnah kepada CIMB sama ada melalui Saluran atau sebaliknya.
- 14.9. Anda hendaklah memastikan diri sentiasa dimaklumkan dan dikemaskinikan dengan polisi dan amalan CIMB yang relevan dan terpakai dan terma-terma lain yang terpakai bagi CIMB TravelCurrency dan/atau Saluran.

15. VARIASI

- 15.1. CIMB menyimpan hak untuk mengubah, mengubahsuai, membatalkan, meminda, menambah atau mengubah terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini dari semasa ke semasa tetapi CIMB akan, tertakluk kepada Klausula 15.4., memberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar bagi apa-apa terma-terma dan syarat-syarat tambahan atau terpinda.
- 15.2. Notis tersebut boleh diberikan kepada anda sama ada secara bertulis dan dialamatkan ke alamat terakhir yang anda berikan kepada CIMB atau dalam bentuk notis yang dipaparkan di cawangan CIMB atau dalam bentuk notis yang dipaparkan pada skrin di Saluran pada bila-bila masa atau dalam apa-apa cara lain sebagaimana yang ditetapkan oleh CIMB dari semasa ke semasa.
- 15.3. Sekiranya anda memilih untuk meneruskan dengan Transaksi selepas tarikh berkuat kuasa mana-mana terma-terma dan syarat-syarat tambahan atau terpinda, atau sekiranya tiada tarikh berkuat kuasa dinyatakan, selepas tempoh dua puluh satu (21) hari kalendar dari penerimaan anda notis tersebut, sama ada sebenar atau dianggap menurut Klausula 16.2., anda kemudiannya hendaklah dianggap telah menerima terma-terma dan syarat-syarat tambahan atau terpinda tersebut dan bersetuju untuk terikat dengan yang sama.
- 15.4. Anda bersetuju dan mengakui bahawa sekiranya perubahan atau pindaan yang dibuat adalah diperlukan atas keperluan segera untuk mengembalikan atau mengekalkan keselamatan Saluran atau CIMB TravelCurrency CIMB boleh meneruskan dengan melakukan perubahan dan pindaan tersebut tanpa notis kepada anda.

16. NOTIS

- 16.1. Melainkan jika dinyatakan di dalam ini sebaliknya, semua notis dan komunikasi oleh CIMB berhubungan dengan CIMB TravelCurrency boleh diberikan oleh CIMB dalam mana-mana satu cara yang berikut:
- 16.1.1. Dengan pos berdaftar ke alamat terakhir anda dalam rekod CIMB;
- 16.1.2. Dengan pos biasa ke alamat terakhir anda dalam rekod CIMB;
- 16.1.3. Dengan faksimile, e-mel atau bentuk-bentuk komunikasi serta-merta lain ke nombor telefon atau alamat e-mel yang diketahui terakhirnya dalam rekod CIMB
- 16.1.4. Dengan mempamerkan di premis CIMB, termasuk cawangan-cawangannya;

- 16.1.5. Dengan mempamerkan pada skrin apabila mengakseskan mana-mana Laman Web CIMB;
- 16.1.6. Dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh CIMB.
- 16.2. Semua notis dan komunikasi yang dihantar oleh CIMB kepada anda, hendaklah, melainkan jika dinyatakan di sini atau dalam notis atau komunikasi tersebut, dianggap telah diterima dan berkuat kuasa, seperti yang berikut:-
- 16.2.1. Sekiranya melalui pos berdaftar, pada masa pengakuan penerimaan;
- 16.2.2. Sekiranya melalui pos biasa, dua (2) hari selepas pengeposan bagi Semenanjung Malaysia dan lima (5) hari selepas pengeposan bagi Sabah & Sarawak dan tempat-tempat di luar Malaysia;
- 16.2.3. Sekiranya melalui faksimile, e-mel atau komunikasi serta-merta lain, pada masa dihantar; dan
- 16.2.4. Sekiranya melalui paparan (sama ada di premis CIMB atau di laman web CIMB) apabila paparan tersebut dibuat.
- 16.3. Semua notis dan komunikasi kepada CIMB hendaklah melainkan jika dinyatakan di sini, secara bertulis, anda tandatangani dan hantar ke CIMB, di alamat CIMB seperti yang dinyatakan dalam Klausula 19.6. atau mana-mana alamat lain yang dimaklumkan kepada anda dari semasa ke semasa.
- 16.4. Tertakluk kepada apa-apa di sini yang sebaliknya, semua notis daripada anda kepada CIMB hendaklah berkuat kuasa hanya setelah CIMB (mengikut mana-mana yang berkenaan) merakamkan yang sama dengan sewajarnya dalam rekodnya.

17. PENAMATAN

- 17.1. Tertakluk kepada Klausula 17.3., anda bersetuju dan mengakui bahawa CIMB menyimpan hak dan budi bicara tunggal untuk menggantung, menamatkan atau menyekat akses anda kepada Perkhidmatan atau mana-mana bahagiannya atas apa-apa sebab, dengan memberikan notis terdahulu tujuh (7) hari kepada anda dan tanpa apa-apa liabiliti kepada anda atau mana-mana pihak ketiga yang lain dengan berbuat sedemikian.
- 17.2. Walau apa pun dengan keumuman Klausula 17.1., CIMB boleh menamatkan, menggantung atau menyekat Transaksi atau akses anda kepada Saluran serta merta dengan memberikan anda notis, sekiranya:
- 17.2.1. Anda memungkir mana-mana terma, syarat atau peruntukan Perjanjian ini atau arahan oleh mana-mana pihak berkuasa undang-undang, kawal selia atau selainnya atau badan yang berkenaan dengannya;
- 17.2.2. Sekiranya anda gagal untuk membayar apa-apa caj fi, caj atau cukai apabila tiba masanya;
- 17.2.3. Sekiranya anda telah membekalkan CIMB dengan maklumat palsu atau tidak lengkap berhubungan dengan pembelian CIMB TravelCurrency anda;
- 17.2.4. Sekiranya, pada pendapat CIMB, ia adalah demi kepentingan awam untuk berbuat sedemikian;

- 17.2.5. Sekiranya, pada pendapat CIMB, ia diperlukan untuk memudahkan siasatan berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan penggunaan penipuan yang disyaki atau tanpa kebenaran; atau
- 17.2.6. Sekiranya CIMB dimaklumkan dan diminta oleh mana-mana pihak berkuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada Bank Negara Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kerajaan Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa berkanun atau berkerajaan lain ("pihak berkuasa berkaitan") untuk menamatkan, menggantung atau menyekat pembelian CIMB TravelCurrency anda tanpa mengira sama ada pihak berkuasa berkaitan mempunyai kuasa undang-undang atau sah untuk meminta CIMB sedemikian.
- 17.3. Anda selanjutnya bersetuju dan mengakui bahawa sekiranya suatu Arahan dan atau Pesanan telah diterima oleh CIMB sebelum penamatan tersebut di sini tetapi belum diproses, dan pembelian CIMB TravelCurrency atau Transaksi anda selepas itu telah ditamatkan, anda tidak boleh menjadikan CIMB bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan ke atas apa-apa kegagalan untuk memproses Arahan dan atau Pesanan tersebut.
- 17.4. Mana-mana hak dan tanggungjawab di bawah Perjanjian ini di mana menurut istilah dan maksud mereka akan kekal selepas penamatan Perjanjian ini dalam apa jua cara, hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya selepas itu. Apa-apa bayaran balik pembayaran yang dibuat selepas penamatan hendaklah tertakluk kepada peruntukan Klausula 4 di sini.

18. PENGESAHAN DAN NASIHAT

- 18.1. Apabila CIMB menghantar atau menyampaikan kepada anda apa-apa pengesahan atau nasihat berhubungan dengan Transaksi, anda hendaklah mengesahkan setiap dan tiap-tiap pengesahan atau nasihat itu dan hendaklah memberitahu CIMB secara bertulis atau apa-apa cara lain yang dianggap boleh diterima oleh CIMB, apa-apa kesilapan atau ketinggalan dalam mana-mana pernyataan, pengesahan atau nasihat tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pernyataan, pengesahan atau nasihat tersebut. Apabila notis tersebut tidak diterima oleh CIMB dalam masa empat belas (14) hari, semua amaun dan butiran yang terkandung dalam pernyataan, pengesahan atau nasihat tersebut yang menentang anda hendaklah dianggap sebagai benar, betul dan tepat dan hendaklah menjadi bukti muktamad mengenai Transaksi dan liabiliti anda kepada CIMB.

19. UMUM

- 19.1. Kegagalan atau kelewatan di pihak CIMB dalam menjalankan apa-apa hak, kuasa, keistimewaan atau remedi di bawah Perjanjian ini selepas apa-apa kemungkiran di pihak anda tidak akan menjejaskan mana-mana hak, kuasa, keistimewaan atau remedi tersebut atau ditafsirkan sebagai pengecualian atau apa-apa keakuran terhadap kemungkiran tersebut. Tiada pengecualian akan menjadi sah melainkan ia dibuat secara bertulis oleh CIMB. Apa-apa pengecualian oleh CIMB tidak akan berkuat kuasa sebagai pengecualian apa-apa kemungkiran berikut anda.
- 19.2. Sekiranya mana-mana peruntukan Perjanjian ini didapati menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah undang-undang sedia

ada atau masa hadapan, peruntukan tersebut hendaklah diasingkan sepenuhnya dan Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan dan dikuatkuasakan seolah-olah peruntukan yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tidak pernah terdiri daripada sebahagian Perjanjian ini dan peruntukan yang lain hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya dan tidak akan terjejas oleh peruntukan yang menyalahi undang-undang, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan atau oleh pengasingannya dari sini.

- 19.3. Walau dari mana pun anda mengakses Saluran atau menjalankan pembelian CIMB TravelCurrency, anda bersetuju dan mengakui bahawa Perjanjian ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia sedia ada dan tertakluk kepada Klausula 19.4., mahkamah Malaysia hendaklah mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding yang timbul daripada Perjanjian ini dan dengan itu, anda juga bersetuju dan mengakui tertakluk kepada yang sama.
- 19.4. Walau apa pun jua dalam ini, anda bersetuju dan mengakui bahawa anda hendaklah menggunakan segala usaha yang munasabah untuk berunding dengan CIMB dengan suci hati dan menyelesaikan secara baik apa-apa pertikaian yang mungkin timbul daripada atau berhubungan dengan Perjanjian ini. Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian yang tidak dapat diatasi atau diselesaikan secara baik, anda boleh merujuk pertikaian tersebut ke Biro Mediasi Perbankan. Sekiranya mediasi tersebut juga gagal untuk mencapai penyelesaian, perkara itu, di bawah pilihan anda atau CIMB, boleh dihantar ke mahkamah yang mempunyai bidang kuasa berwibawa di Malaysia.
- 19.5. Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran, percanggahan, kesamaran atau kepincangan di antara versi Bahasa Malaysia dan versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini, versi Bahasa Inggeris Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan mengatasi yang lain. Walau apa pun yang dinyatakan di atas di mana permintaan telah anda buat dan dicatat dan diakui oleh CIMB dalam rekodnya bahawa versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini hendaklah mengawal Perkhidmatan, maka versi Bahasa Malaysia Terma-Terma dan Syarat-Syarat akan mengatasi yang lain.
- 19.6. Semua maklum balas dan/atau aduan berkenaan dengan Perkhidmatan ini boleh dihubungi kepada Unit Resolusi Pelanggan CIMB Bank yang mempunyai alamat, nombor telefon, nombor faksimile dan alamat e-mel yang berikut (atau mempunyai alamat, nombor telefon, nombor faksimile dan alamat e-mel lain sepertimana yang boleh ditukarkan oleh CIMB melalui pemberitahuan kepada anda): Unit Resolusi Pelanggan, Aras 19, Menara Bumiputra-Commerce, 11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur Tel: +603 6204 7788 / Faks: +603 2691 3248 / callcentre@cimb.com.